

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan inisiatif Kerajaan untuk membantu pekerja-pekerja di sektor informasi dan ekonomi gig. Adakah pihak Kementerian akan mempertimbangkan penggunaan aplikasi pintar untuk mendaftarkan pekerja informal yang kehilangan pekerjaan akibat wabak COVID-19. Apakah program keselamatan sosial untuk pekerja informal selain daripada bantuan kewangan secara '*one-off*'.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini, antara inisiatif Kerajaan untuk membantu pekerja-pekerja dalam sektor informasi dan ekonomi gig adalah dengan melancarkan Program PenjanaGig melalui Program Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) pada 5 Jun 2020.
2. Melalui program ini, Orang Bekerja Sendiri (OBS) akan mendapat perlindungan di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS). Di bawah PenjanaGig, Kerajaan membiayai sebanyak 100% bayaran caruman melalui platform penyedia perkhidmatan ekonomi gig di bawah caruman pelan kedua iaitu sebanyak RM232.80 untuk tempoh perlindungan setahun.
3. Pihak Kementerian Sumber Manusia menerusi PERKESO bersedia mempertimbangkan sebarang cadangan termasuk penggunaan aplikasi pintar untuk mendaftarkan pekerja informal yang kehilangan pekerjaan akibat wabak COVID-19. Walau bagaimanapun, kajian perlu dilakukan secara menyeluruh dari segi kebolegunaan aplikasi tersebut supaya ianya dapat memberi manfaat kepada pekerja informal.
4. Antara program keselamatan sosial untuk pekerja informal selain daripada bantuan kewangan secara *'one-off'*, termasuklah usaha daripada Kerajaan-Kerajaan Negeri yang mengambil inisiatif untuk menaja bayaran caruman kepada OBS.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Pada 30 Mac 2020, Kerajaan Negeri Terengganu telah memperuntukkan sebanyak RM129,669.60 untuk menaja seramai 557 orang pemandu teksi / kereta sewa / bas di bawah caruman Pelan Kedua iaitu sebanyak RM232.80 seorang untuk tempoh perlindungan selama setahun.

SOALAN NO : 23

6. Manakala Kerajaan Negeri Melaka pula telah menaja seramai 1,028 orang pemandu teksi dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM161,601.60 pada tahun 2019. Pada 2 Oktober 2020, Kerajaan Negeri Melaka telah membelanjakan sebanyak RM105,009.60 untuk menaja seramai 668 orang pemandu teksi dan beca.
7. Lembaga Ikan Malaysia (LKIM) turut mengambil inisiatif dengan membayar caruman sebanyak RM6.6 juta kepada kira-kira 42,000 orang nelayan melalui potongan Elaun Sara Hidup (ESH) secara berperingkat dengan tempoh perlindungan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) mulai 15 Ogos 2020.
8. Kementerian Sumber Manusia menerusi PERKESO akan terus melipatgandakan usaha dalam menyebarkan dan mempromosikan penyertaan pekerja-pekerja sektor informal untuk menyertai Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) ini.

Sekian, terima kasih.